

25/04/1997

Afrika minat idea Perkongsian Pintar

Karim Sulaiman

KONSEP Perkongsian Pintar yang diilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) mendapat perhatian negara selatan Afrika yang mahu bersaing dalam dunia perniagaan global.

Perkongsian pintar berteraskan falsafah kerjasama `sama-sama menang' dan persaingan sihat di antara rakan kongsi, tanpa merugikan mana-mana pihak memberi faedah besar menarik perhatian pemimpin Afrika mengadakan dialog yang sama.

Kejayaan Malaysia dalam melaksanakan konsep itu mendorong kerajaan Botswana, Malawi, Namibia dan Zimbabwe mengadakan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) 1997, dialog seumpamanya yang julung-julung kali diadakan di benua Afrika.

SAID 1997 yang dibantu pengendaliannya oleh Commonwealth Partnership For Technology Management Ltd (CPTM) yang akan diadakan di Kasane, Botswana dari 4 hingga 7 Mei depan, bertemakan Perkongsian Pintar untuk Generasi Kaya di Selatan Afrika.

Dr Mahathir akan menjadi tetamu istimewa dalam persidangan itu berikutan kejayaannya membawa kemajuan besar kepada Malaysia.

Kumpulan ahli perniagaan Malaysia, yang akan diwakili sebahagian besarnya syarikat besar negara menambah keyakinan kepada peserta dan bakal rakan kongsi dalam mewujudkan Perkongsian Pintar.

Ketua Eksekutif CPTM yang beribu pejabat di London, Mihaela Y Smith, berkata kejayaan dan pengalaman Malaysia dalam mengendalikan LID penting dalam memastikan kejayaan SAID 1997.

"Kejayaan LID yang diilhamkan Dr Mahathir dalam mewujudkan perkongsian pintar di antara pihak kerajaan dan sektor swasta Malaysia dengan rakan kongsi mereka mendorong, persidangan sama untuk negara Selatan Afrika.

"Pemimpin negara Afrika Selatan sendiri yang mahu persidangan sama dianjurkan untuk mereka dan mahukan Dr Mahathir menjadi orang penting dalam menjayakan persidangan itu.

"Pengaruh Dr Mahathir kuat dalam meyakinkan dan membantu mewujudkan perkongsian pintar di antara negara Selatan Afrika dengan bakal rakan kongsi masing-masing," katanya.

SAID akan dihadiri kira-kira 250 peserta dari kalangan ketua kerajaan dan pemimpin sektor swasta dari negara Komanwel dan negara lain, termasuk Malaysia, Uganda, Ghana, Paraguay, Jordan, Cyprus, Malta, Britain, Amerika Syarikat, Kanada, New Zealand dan Jepun.

Ini adalah kali pertama siri dialog seumpama ini diadakan di rantau Pembangunan Komuniti Selatan Afrika (SADC).

SAID 1997 antara lain mahu mewujudkan tapak perniagaan untuk Selatan Afrika bagi bekerjasama dengan rakan mereka di Asia Tenggara yang wujud hasil kejayaan LID.

Selain ekonomi dan pembangunan, kehadiran Dr Mahathir dalam SAID 1997 penting terutama dalam memberi ilham dan contoh kepada negara Afrika dalam beberapa perkara, seperti dasar penswastaan, pribumi dan Wawasan 2020.

Bagi memastikan SAID 1997, Pengerusi CPTM, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman dan beberapa tokoh lain yang terbabit dalam LID dilantik menduduki Majlis Penasihat Antarabangsa SAID 1997 bagi memastikan dialog itu berjalan lancar.

SAID 1997 dijangka tidak menghadapi masalah dan mencapai matlamatnya kerana dibantu dengan kejayaan dan pengalaman Malaysia dalam mengendalikan

LID.

Kejayaan SAID 1997 nanti membuktikan kesediaan dan keupayaan Malaysia membantu rakan-rakannya untuk berjaya sepertinya.

(END)